



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA

Bagi Minggu 12/2012 (18 hingga 24 Mac 2012)

Pada minggu ke -12 tahun 2012 iaitu bagi tempoh 18 hingga 24 Mac, sejumlah 477 kes demam Denggi dan tiada kematian dilaporkan berbanding 480 kes dengan satu (1) kematian pada minggu sebelumnya (Lampiran A). Sebanyak tujuh (7) negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Terengganu meningkat sebanyak 9 kes (53%), Selangor 9 kes (4%), Sarawak 6 kes (29%), Pahang 4 kes (50%), WP Kuala Lumpur & Putrajaya 4 kes (7%), Kedah 3 kes (25%) dan Perak meningkat sebanyak 3 kes (12%).

Pada tahun 2012, bermula dari 1 Januari hingga 24 Mac, sebanyak 6,141 kes dilaporkan, meningkat sebanyak 1,114 kes atau 22% berbanding 5,027 kes bagi tempoh yang sama tahun 2011. Pada tempoh yang sama juga, sebanyak 17 kematian akibat demam Denggi dilaporkan berbanding hanya 8 kematian pada tahun 2011.

Sejumlah 91 lokaliti daripada 18 daerah mengalami wabak pada minggu lepas berbanding 99 lokaliti pada minggu sebelumnya. Tindakan bersepada dalam menangai wabak diperingkat daerah dilaksanakan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Wabak Denggi Daerah, yang diadakan pada setiap minggu dengan dipengerusikan

oleh Pegawai Daerah. Mesyuarat ini dianggotai oleh pelbagai agensi seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Ketua Jawatankuasa Penduduk, Ketua Kampung dan lain-lain agensi berkenaan. Aktiviti Jawatankuasa ini di pantau oleh Kementerian Kesihatan setiap minggu. Antara masalah-masalah yang diselesaikan di dalam mesyuarat tersebut adalah berkaitan pungutan sampah, kebersihan persekitaran dan kerjasama penduduk yang kurang dalam menjalankan aktiviti gotong-royong. Sehubungan itu, diharapkan Jawatankuasa ini akan terus bergerak aktif dan memberikan input yang baik dalam usaha menangani wabak Denggi di peringkat daerah.

Pada minggu ke-12, dua (2) kawasan *hot spot* berlaku di WP Kuala Lumpur iaitu PPR Pantai Ria di zon Klang Lama dan Flat Sri Kota di zon Cheras dengan jumlah kes yang dilaporkan sebanyak 22 kes. Di PPR Pantai Ria, sebanyak enam (6) aktiviti gotong royong telah dijalankan di sepanjang tempoh wabak memandangkan jumlah kes telah meningkat menjadi 16 kes berbanding minggu sebelumnya iaitu hanya 9 kes. Namun kadar pembiakan Aedes masih lagi tinggi iaitu 14.3%.

KKM memerlukan kerjasama masyarakat untuk terus menjaga kebersihan kawasan persekitaran rumah kediaman masing-masing. Hasil pemantauan menunjukkan 73% daripada pembiakan yang dijumpai adalah di kawasan luar rumah. Kebanyakan bekas yang dijumpai mempunyai pembiakan Aedes adalah tong kosong (22%), bekas plastik (16%), baldi (11%), tayar buruk (10%) dan alas serta pasu bunga (8%). Bagi memberi kesedaran kepada masyarakat tentang bahaya Denggi dan kepentingan menjaga kebersihan, sebanyak 534 ceramah telah dianjurkan. Di samping itu, sebanyak 192,915 risalah telah diedarkan, 8,831 poster telah ditampal dan

5,416 media luar telah dipasang sehingga minggu ke-12 ini. Bagi memberi maklumat secara konsisten kepada masyarakat, penglibatan Duta Sihat 1Malaysia dalam pencegahan Denggi juga diteruskan apabila dua lokaliti telah dikunjungi pada minggu ini iaitu di Taman Sentosa Utama, Klang dan Bandar Sultan Sulaiman, Pelabuhan Klang. Untuk program seterusnya, ia dijangka akan diadakan pada 21 April 2012 di Sekinchan, Sabak Bernam dan 22 April 2012 di Taman Sentosa, Kota Raja, Klang, Selangor. Ini merupakan salah satu pendekatan berterusan KKM dalam membanteras kejadian Denggi di Lembah Klang.

DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

26 Mac 2012

KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 12/2012
(18 hingga 24 Mac 2012)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 12/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 12/2011
		Minggu 12 (18 – 24 Mac 2012)	Minggu 11 (11 – 17 Mac 2012)		
1	Perlis	4	7	53	19
2	Kedah	15	12	176 (1)	127
3	P. Pinang	13	18	222 (1)	435 (1)
4	Perak	29	26	438 (1)	318
5	Selangor	217	208 (1)	2,774 (9)	1,748 (1)
6	WPKL & Putrajaya	60	56	631 (3)	363
7	N. Sembilan	6	8	104 (1)	162
8	Melaka	9	19	180	137
9	Johor	24	31	386	534 (4)
10	Pahang	12	8	185	287 (1)
11	Terengganu	26	17	245	240 (1)
12	Kelantan	28	37	370	196
13	Sarawak	27	21	252	309
14	Sabah	7	11	120 (1)	147
15	WP Labuan	0	1	5	5
	MALAYSIA	477	480 (1)	6,141 (17)	5,027 (8)

Nota: () Kematian

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU
11 BAGI TAHUN 2012**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	WPKL	Klang Lama	PPR Pantai Ria	16	52
2	WPKL	Cheras	Flat Sri Kota	6	35